

Qalam

129, Shawwal, 1380, April 1961, 60 sen

Hukum Nikah Kahwin di Singapura

Tatkala menjawab pertanyaan Encik Ahmad Jabri di Dewan Undangan sedikit masa dahulu mengenai perkahwinan seorang ulama Indonesia yang telah ada mempunyai isteri, Menteri Kehakiman dan Buruh, Tuan Byrne, telah mengatakan bahawa *Chief* Kadi Singapura, dalam hal itu, telah mengkahwinkannya menurut peraturan Islam tetapi langkah yang demikian menyalahi peraturan negeri.

Lama sebelum itu, sebagaimana yang pernah disiarkan di dalam majalah ini, Peguam Agung kerajaan Singapura telah meminta fikiran kepada Majlis Islam Penasihat Kerajaan Singapura dan kepada *Jamiyah al-Da'wah al-Islamiyyah* untuk cadangannya meminda suatu undang-undang mengenai orang Islam yang hendak berkahwin lebih daripada satu, di antaranya supaya kesanggupan seorang suami untuk memberi nafkah kepada isterinya hendaklah diperiksa dan tiap-tiap yang hendak berkahwin itu hendaklah terlebih dahulu meminta izin kepada isterinya yang ada.

Majlis Islam Penasihat Kerajaan Singapura telah menolak perkara seseorang suami hendaklah meminta izin kepada isterinya, sedang *Jamiyah* menyerahkan perkara itu kepada suatu jawatankuasa kecil terdiri daripada lima orang ulama untuk mengkaji perkara itu tetapi belum pun sempat perkara itu dirundingkan oleh *Jamiyah*, Peguam Agung telah menarik surat itu daripada dibahaskan.

Tahu-tahu pada tahun 1960 rupanya, perkara yang

dibantah oleh Majlis Islam itu laku dikuatkuasakan untuk dilaksanakan terbukti daripada apa yang dikatakan oleh Tuan Byrne atas perbuatan *Chief* Kadi Singapura menikahkan Tuan al-Sayyid Jamalullail sekalipun tidak menyalahi undang-undang syarak tetapi telah menyalahi undang-undang negeri.

Rupa-rupanya dalam masa jawatan *Chief* Kadi diletakkan sebagai pegawai kerajaan Singapura maka perkara yang tidak dipersetujui oleh Majlis Islam Penasihat Kerajaan itu telah diperundang-undangkan dan dalam masa itu (tahun 1960), menurut punca-punca yang mengetahui hanya ada tiga atau empat perkahwinan orang-orang yang telah ada beristeri yang dilangsungkan; satu Tuan Sayyid Ahmad Jamalullail yang telah membuat pengakuan kepada *Chief* Kadi atas uzur-uzur yang menghendaki ia berkahwin; seorang India Pulau Bukom yang telah mendapat persetujuan isterinya; seseorang yang isterinya telah putus perhubungan dengannya sebab isterinya telah bermastautin di Indonesia; dan yang keempat, dikhabarkan bahawa seorang India yang telah ada isteri tetapi tidak mendapat anak dan telah berkahwin selama sepuluh tahun telah dikahwinkan oleh *Chief* Kadi, dalam masa orang itu di dalam nasihat pegawai Mahkamah Syariah Singapura, yang telah menasihati kedua-dua pihak isteri yang ada dan suaminya; mulanya kepada isteri mencari keredaannya, tetapi isteri berkeras tidak reda, lalu pegawai itu dikatakan menasihati pula suaminya supaya jangan berkahwin lagi.

Jika benar apa yang terjadi ini, ertinya dalam tahun 1960 hanya empat perkhawinan lebih daripada satu yang ada di Singapura, sebaliknya beberapa banyak yang meminta hendak berkahwin, tidaklah diketahui.

Tatkala kerajaan Singapura mengemukakan undang-undang tidak membenarkan kahwin lebih daripada satu, maka kerajaan Singapura telah memberi akuan bahawa orang-orang Islam tidak dikenakan peraturan itu tetapi dengan apa yang terjadi,

terang dan nyatanya bahawa dengan secara langsung, orang-orang Islam telah pun dikenakan undang-undang monogami (undang-undang tidak boleh berkahwin lebih daripada satu) sekalipun badan tempat meminta nasihat tentang agama telah mengemukakan yang mereka menolak peraturan itu.

Dengan kejadian yang tersebut, tentulah orang-orang akan bertanya apakah orang-orang Islam dipaksakan taat kepada undang-undang yang bertentangan dengan undang-undang syarak?

Orang-orang Islam tentunya melihat bahawa dengan sekatan itu ertinya, dengan secara tidak langsung, undang-undang monogami telah dikenakan kepada mereka pada hal kepada mereka dikatakan: kerajaan tidak mencampuri hal ehwal agama Islam. Orang-orang sekarang telah berkata, semenjak 150 tahun British menjajah negara ini, tidak pernah orang merasa agama Islam (peraturan nikah kahwinnya) dijajah bersama tetapi setelah berjalan tujuan pemerintahan sendiri, maka rupanya agama Islam, yang dijalankan bagi orang-orang Islam telah pun diletakkan di bawah suatu undang-undang yang bertentangan dengan hukum agama Islam sendiri.

Dalam hal ini, kita rasanya tidak perlu mengeluarkan hujah-hujah kerana perkara ini terang bertentangan dengan ajaran syarak Islam. Kita hanya wajib mengingatkan bahawa sekiranya umat Islam dibelakangkan di dalam hal agama mereka dan mereka diikat dengan suatu undang-undang yang bertentangan dengan syarak mereka maka sudah barang tentu orang-orang Islam tidak reda dan jauh sekali daripada menggemarinya.

Selain daripada perkara monogami, maka menurut peraturan yang dijalankan sekarang di Singapura bahawa tiap-tiap seorang yang hendak menceraikan isterinya ia tidak boleh mendaftarkan cerainya (atau tidak boleh menceraikan isterinya secara undang-undang negeri) melainkan isterinya itu sendiri reda diceraikan; bukan itu sahaja, bahawa tiap-tiap seorang yang hendak berkahwin maka ia tidak boleh dikahwinkan lebih dahulu sebelum membuat *form* permohonan yang akan diluluskan selama seminggu atau dua minggu.

Kita tidak tahu atas tujuan apakah maka peraturan yang demikian itu dijalankan. Jika takut hendak mengurangkan perceraian di kalangan Islam maka ini tentulah menjadi manfaat yang diambil tetapi dengan adanya peraturan ini apakah tidak akan ada mudarat-mudarat yang lebih berbahaya di kalangan umat Islam? Kaedah syarak terang dan jelas menghendaki: “Menjauhkan mudarat adalah lebih utama daripada mengambil manfaat” ertinya jika diceraikan manfaat sesuatu tetapi ia akan membawa mudarat maka hendaklah manfaat yang dijauhkan - yang diambil ialah menjauhkan mudarat lebih utama.

Di dalam semua hal-hal yang berlaku ini, menurut pandangan kita akan menimbulkan dua mudarat kepada umat Islam:

1. Kalau sulit bagi mereka berhubung dengan peraturan-peraturan yang ada kepada bahagian mahkamah (Kadi-Kadi) kerana terikat dengan peraturan ini maka mereka akan melanggar peraturan itu dengan mengadakan istiadat sendiri yang dilangsungkan oleh syarak: Ertinya mereka melakukan perkahwinan, cerai dan seumpamanya dengan mengikut syarat-syarat sedang mereka tidak akan mau mengikut peraturan negeri;
2. Perzinaan akan berlaku – jika mereka telah suka sama suka dan reda sedang kerana sekatan undang-undang mereka tidak dapat menjalankannya dengan cara halal.

Ini sebahagian daripada perkara-perkara yang terjadi dan banyak lagi persoalan yang akan timbul.

Bagi mereka, umat Islam, sama ada sebahagian orang-orang yang ada di dalam Majlis Islam Penasihat Kerajaan atau lainnya yang bersubahat mengadakan atau menjadikan undang-undang yang bertentangan dengan syarak, kita suka memperingatkan mereka dengan firman Tuhan dalam surah al-Baqarah ayat 79:

“fawayhul lil ladhīna yakubūn al-kiāba biaydihim thumma yaqūlūna hādha man indillahi liyashtarūbihī thamanan qalīlan fawayhul lahum mimma katabat aydihim wawayhul lahum mimma yaksibūna”.

Maksudnya: Celakalah bagi orang-orang yang menulis kitab dengan tangannya, kemudian mereka berkata: “Ini daripada Allah” supaya menjual akan dia dengan harga yang amat sedikit. Kecelakaanlah bagi mereka dengan sebab apa yang yang ditulis oleh tangan mereka, dan kecelakaanlah bagi mereka dengan sebab apa yang mereka usahakan.

Suatu hadith Nabi (S.A.W) – maksudnya:

“Barangsiapa merancangkan satu rancangan yang baik maka baginya pahala rancangan itu dan pahala orang yang mengerjakannya hingga hari kiamat, dan barangsiapa merancangkan satu rancangan yang jahat maka baginya dosa rancangan itu dan dosa orang yang mengerjakannya hingga hari kiamat.”

Sekiranya umat Islam tidak berdaya mempertahankan hukum syaraknya daripada diperkosa dan dipinda, sekiranya kepada umat Islam dipaksa sesuatu hukum ke atas mereka yang bertentangan dengan hukum syarak mereka dan mereka tidak


dapat mempertahankannya maka marilah kita menyerahkannya kepada yang empunya agama itu sendiri “Tuhan” yang akan memberi balasan kepada pengacau-pengacau agama itu seperti riwayat Abdul Mutṭalib dengan Ka’abah yang diserang oleh Abrāhah iaitu ia hanya mempertahankan harta-harta kepunyaannya (unta) sedang Ka’abah ia serahkan bulat-bulat kepada yang empunya sehingga penyerang (pengacau) kepada rumah Tuhan itu binasa.

Percayalah “Tuhan akan membinasakan mereka-mereka yang mencabar dan merosak hukum Tuhan”. Umat muslimin insafilah!

Jamiyah al-Da’wah al-Islamiyyah Singapura

dengan Undang-undang Islam

Rang Undang-undang hukuman bagi orang-orang Islam yang telah dibentangkan di hadapan Majlis Undangan Singapura telah dibukakan kepada am untuk meminta pendapat dan fikiran orang-orang Islam Singapura dan akan ditutup pada akhir



Penuntut-penuntut perempuan Madrasah al-Wataniah Kokdiang, Kedah, bergambar ramai dengan guru-guru mereka pada hari perpisahan untuk bercuti baharu-baharu ini.

bulan April ini.

Melihat kepada banyaknya perkara-perkara yang dipandang bertentangan dengan syarak Islam, maka PAS Singapura telah bercadang hendak memanggil suatu mesyuarat badan-badan seluruh Singapura untuk memikirkan perkara ini, di atas nama seluruh umat Islam.

PAS dikhabarkan telah meminta kepada *Jamiyah al-Da'wah al-Islamiyyah* bagi membenarkan tempatnya untuk mengadakan mesyuarat itu; dan *Jamiyah* dikhabarkan telah menolak permintaan PAS dengan alasan bahawa PAS adalah sebuah badan siyasah dan kerana itu, menyalahi daripada dasar *Jamiyah*.

Langkah yang diambil oleh *Jamiyah* tidak membenarkan tempatnya digunakan oleh PAS untuk menganjurkan Mesyuarat Am kaum Muslimin memikirkan hal ehwal undang-undang Islam itu adalah sangat mendukacitakan kerana sungguhpun PAS sebuah badan siyasah tetapi anjuran yang dibawanya bukannya mengenai siyasah tetapi mengenai perkara yang seluruh umat Islam akan dikenakan suatu hukuman yang dipandang banyak mengandungi perkara-perkara yang bertentangan dengan syarak apalagi pada masa ini sebahagian daripada hukuman-hukuman yang telah pun dijalankan adalah bertentangan dengan hukuman syarak bahkan keadaannya bolehlah dipandang hampir-hampir serupa dengan peraturan hukuman Kristian (dalam perkara perkahwinan).

Jamiyah, adalah dikenal sebagai sebuah pertubuhan agama yang besar dengan mempunyai dasar dakwah (seruan). Mengikut dasar yang tersebut maka seharusnya *Jamiyah* lebih dahulu bergerak mencari fikiran, menyatukan suara umat Islam Singapura memikirkan apakah Rang Undang-undang yang dikemukakan itu sebenarnya berfaedah kepada umat Islam atau pun ia suatu bala kepada umat Islam. Sekiranya *Jamiyah* tidak mempunyai kesanggupan untuk menjalankan usaha menghimpunkan suara atas nama Islam maka janganlah pula hendaknya usaha-usaha dalam tujuan menyatukan suara umat Islam dalam mengadakan bantahan itu disekat

atau dihalang-halangi dengan alasan kerana badan yang menganjurkan ialah badan siyasah.

Kalau *Jamiyah* tidak berkesanggupan dalam perkara itu dengan kerana sesuatu sebab terpaksa atau disengaja melemahkan giginya daripada lidahnya dengan sebab boleh jadi ada orang-orang di dalam *Jamiyah* yang mempengaruhi *Jamiyah* maka semoleknya ia membukakan pintunya kepada PAS buat mengumpulkan umat Islam.

Adalah sangat didukacitakan, dalam hal ini hingga hari ini, *Jamiyah* masih membisu sedang Rang Undang-undang itu masanya buat memberi fikiran telah hampir lewat.

Kalau suara bantahan *Jamiyah* seorang, PAS seorang, Persekutuan Guru-guru Agama seorang, Muhammadiyah seorang, badan-badan yang lain seorang – semuanya tidak beerti tetapi jika semua badan-badan serentak membantah bersama-sama maka sudah tentu bantahan itu adalah bantahan daripada seluruh umat Islam. Dengan itu umat Islam tidak akan dapat dipersenda-senda.

Kita suka mendatangkan pertanyaan kepada *Jamiyah*: Apakah *Jamiyah* hanya suka mengumpulkan badan-badan Islam kerana mengadakan majlis Mawlid Nabawī sahaja sedang dalam hal yang wajib jihad atasnya, untuk membela kemuliaan Islam *Jamiyah* tidak mau bergerak dan menganjurkan perjumpaan semua badan-badan Islam? *Lā ḥawla walā quwwata illā billāh*.

* * *

Gabungan Empat Badan-Badan Islam

Sedikit masa dahulu, telah diadakan suatu perjumpaan untuk mengadakan persefahaman di antara empat badan-badan Islam di Singapura. Majlis Islam Penasihat Kerajaan (yang menganjurkan), Muhammadiyah, PERGAS dan *Jamiyah*. Perjumpaan yang pertama diadakan di Kallang Airport pada 4 hari bulan Oktober 1960.

Tidak lama antaranya, sebagai suatu tanda


persetujuan diadakanlah perjumpaan bersama menentang Qadiani yang diadakan dengan jayanya di Tanah Lapang Taj¹, Geylang. Kemudian diadakan beberapa jamuan dan timbulah di sana gelaran-gelaran “*Bapa Perdamaian*” sehingga orang ramai hairan apakah ertinya perdamaian itu sebab sepanjang yang diketahui tidak ada “peperangan” yang berlaku di antara badan-badan itu.

Setelah itu maka tidaklah ada khabar beritanya keadaan badan-badan itu, apakah ia hidup atau apakah ia mati. Tidak ada pula sesuatu mesyuarat untuk menaja apakah dasar-dasar yang dikehendaki yang sepatutnya dimesyuaratkan supaya disetujui bersama – bagaimana melaksanakan kerjasama di dalam gabungan itu dengan secara rasmi – ertinya dasar-dasarnya disetujui oleh wakil-wakil badan masing-masing dengan mendapat kuasa daripada pertubuhannya.

Hanya yang didengar, ada suatu mesyuarat, dalam bulan Ramaḍān yang lalu, yang dianjurkan oleh pihak penajanya tetapi yang dimesyuaratkan bukannya untuk membina dasar-dasar tetapi hanya merundingkan sepucuk surat dari sebuah pertubuhan yang menganjurkan supaya diadakan suatu istiadat sembahyang hari raya bersama-sama di padang – lain daripada itu tidak ada.

Dengan adanya cara ini, orang-orang tentunya lebih mengerti apakah dasar gabungan itu atau apakah hanya kerana mengadakan perjumpaan sahaja atau pun bersungguh-sungguh mencari kerjasama di antara mereka dalam hal yang membawa kebajikan kepada Islam.

Sebagai suatu contoh yang perlu benar diperhatikan ialah sepatutnya gabungan itu mengadakan mesyuaratnya untuk menaja suatu jawatankuasa untuk memanggil seluruh



Penuntut-penuntut darjah empat ibtidā’i yang telah lulus peperiksaan akhir tahun 1960 di Sekolah Agama “Maahad Al-Bi`thāt Al-Diniyyah” Thailand. Pengenalan, duduk dari kiri: Ismail Walong, Che’ Ismail, Mokhtar Abdul Samad, Muhammad Fikri, Abdul Rahman Ya’akub dan Isa Alif. Duduk dari kiri: Rahmatullah Haji Yusuf, Yamin Adam, Haji Ismail Putra, Soleh Haji Ayub, Hassan Taib dan Muhammad Haji Ahmad. Kiriman Ahmad Lutfi.

¹ Tanah lapang sebelah pawagam Taj (kini tiada lagi) di Geylang, Singapura (sumber: Utusan Online)

badan-badan Islam bagi merundingkan perkara Rang Undang-undang yang dikemukakan kepada Majlis Undangan Singapura.

Tetapi perkara ini nampaknya tidak terfikir langsung oleh penaja badan itu untuk memanggil mesyuaratnya selain daripada kerana hendak mengadakan sembahyang hari raya di padang.

Tidak diketahui apakah sebabnya tetapi harus pula kerana yang menganjurkan badan itu mungkin terdiri dari beberapa orang ahli daripada Majlis Islam Penasihat Kerajaan yang telah bekerja untuk mengadakan Rang Undang-undang - ertinya dengan kerana pengaruh merekalah maka Rang Undang-undang Islam itu telah disetujui oleh Majlis Islam sehingga dengan kerananya timbullah banyak ahli daripada Majlis Islam Penasihat Kerajaan itu dikatakan menyertai bantahan-bantahan di luar daripada Majlis Islam sebab khabarnya tatkala Rang Undang-undang itu dibahas hanya dibaca sambil lalu tiga kali sahaja kemudian terus dikemukakan kepada Majlis Undangan.

Kita berpendapat, jika penaja gabungan itu hanya memikirkan perjumpaan-perjumpaan sahaja - untuk dipandang oleh orang ramai ada kerjanya – maka gabungan itu tidak ada bertujuan lain tidak daripada “menunjuk-nunjuk” bahawa ada jasa-jasanya dan kerja-kerja yang dibuat tetapi hakikatnya kosong belaka.

* * *

Tuan al-Sayyid Isa Dengan Loteri Kebajikan

Tuan al-Sayyid Isa bin Alwi, Timbalan Speaker di Majlis Undangan Persekutuan Tanah Melayu dalam suatu ucapannya sedikit hari yang lalu di hadapan sidang jemaah di Masjid Kampung Parit Jelutong Batu Pahat dalam masa menggalakkan orang-orang supaya meminta wang hasil loteri kebajikan masyarakat untuk membina masjid dan madrasah, di antara lain-lain dikatakan ia berkata:

“Janganlah perkara bantuan loteri kebajikan itu diragu-ragukan lagi kerana pihak Mufti Johor dan Perdana

Menteri kita Tunku Abdul Rahman telah mengemukakan bahawa wang loteri itu boleh diterima.”

Sepanjang yang kita ketahui bahawa Mufti Johor telah tetap mengharamkan loteri, mengadakan, membeli dan menerima hasilnya – dan beliau berkata barangsiapa menghalalkan loteri maka tidak syak atas kafirnya orang itu. Mufti hanya memberi fatwa kerana putus hak milik maka sesuatu barang yang telah termasuk ke dalam Baitulmal, maka halallah dia tetapi wang loteri kebajikan masyarakat tidak termasuk ke dalam Baitulmal dan loteri kebajikan masyarakat yang hukumnya haram itu terus menerus dilaksanakan dan dijalankan – tidak ditahan maka buta apakah barang yang haram itu jadi halal? Keputusan ulama-ulama di Kuala Kangsar tetap mengharamkan itu.

Kemudian Tunku Abdul Rahman pula, yang dipercayai bukan ahli agama dan tidak cukup faham dengan selok belok hukum syarak dengan berani dan dengan lentam tatkala menganjurkan menghalalkan wang loteri itu terus berkata, bahawa ia akan menanggung dosanya. Cabaran seperti itu menaikkan bulu roma umat Islam kerana ertinya cabaran kepada barang yang diharamkan oleh Allah dan Rasul-Nya, sepanjang yang difaham oleh umat Islam, adalah sama dengan mencabar kepada perintah Allah dan Rasul-Nya. Perkataan seperti itu seyogianya tidaklah terkeluar daripada mulut seseorang Islam sebab ia bermakna mencabar hukum-hukum Allah!

Dan sekarang Tuan al-Sayyid Isa pula, yang kita percaya tidak mendalami perkara ini terus pula mengatakan: Kalau keduanya telah menghalalkannya maka janganlah ragu-ragu lagi.”

Sepatutnya Tuan Sayyid Isa tidak menggalakkan sesuatu hal yang ia tidak mengerti puncanya bahkan sepatutnya ia mengkaji dan mendalami perkara itu – jangan jadi ikut-ikutan buta sahaja seperti keadaan orang-orang yang beragama lain yang menjadikan apa yang dikatakan oleh rahib-rahib (cerdik pandai dan alim ulama mereka) itu adalah benar

dan mesti diikuti. Janganlah hendaknya digalakkan umat mengikut cara-cara yang digambarkan oleh al-Qur'an:

Ittakhadhū aḥbārahū waruhbānahū arbābān min dūnillāhi

(Surah al-Barā'ah ayat 31)

Maksudnya: Mereka mengambil orang-orang alim mereka (pendeta-pendeta) dan paderi-paderi mereka menjadi Tuhan – selain daripada Allah.

Di dalam tafsiran kepada ayat ini ulama ahli tafsir mengatakan: Bahawa dalam kejadian, tiadalah mereka memandang pendeta-pendeta dan paderi-paderi itu menjadi tuhan – mereka hanyalah mengikut dengan taat membuta tuli kepada pengajaran itu sama ada sesuai atau tidak dengan kitab mereka.

Kita sangat dukacita melihat cara yang dibuat oleh Tuan al-Sayyid Isa itu. Sepatutnya janganlah hendaknya

beliau mengambil bahagian dalam hal menggalakkan perkara-perkara yang ada pertelingkahan besar terutamanya hampir-hampir semuanya ulama mengharamkan wang hasil loteri itu apa lagi untuk membina Baitullah yang menimbulkan pula *dirār* (perselisihan) umat Islam di dalam daerah-daerah itu yang boleh menjadi sebab wajib meruntuhkan masjid-masjid selain daripada Allah.

Sepatutnya beliau janganlah menyentuh-nyentuh dalam perkara agama tetapi berkatalah terus terang dalam perkara politik - itu adalah bahagian beliau. Mudah-mudahan beliau menyedari dan menyelidiki dengan saksama perkara ini – jangan pakai ikutan belaka kerana yang demikian itu akan merosakkan nama beliau sendiri. Janganlah hendaknya mencampuri sesuatu perkara yang beliau belum mendalami perkaranya.



Siri Sejarah Hidup Nabi Muhammad

ṣallā Allāhu alayhi wa ālihi wa sallam

Disusun oleh

Edrus

Buku ini disusun dipersesuaikan dengan sukatan pelajaran

Sejarah Islam untuk pelajaran agama di sekolah kebangsaan

di Persekutuan Tanah Melayu. Berpenggal-penggal: 1. Hāshīm bin 'Abdu Manaf, 2. Abdul Muṭṭalib, nenda Nabi, 3. 'Abdullāh

dan Āminah – ayah bonda Nabi, 4. Hari diperanakkan, 5. Halimah al-Sa'adiyah, 6. Yatim piatu, 7. Berkahwin dengan Sīf Khadijah, 8. Menerima wahyu

Buku ini mengandungi 24 buah. Sambungannya akan segera diterbitkan oleh Qalam Singapura. Harganya 30

sen senaskah. Belanja mengirim 10 sen.